

Ibu pejabat sumbang barangan RM100,000

KUALA LUMPUR: Ibu Pejabat Umno semalam menyumbang pelbagai barangan bernilai RM100,000 untuk diagihkan kepada mangsa banjir di Johor.

Antara barangan adalah 2,900 tuala, Surah Yassin (11,000 naskah), kain pelikat dan batik (1,000 helai), telekung (500 helai), alat tulis (500 set), beg sekolah (500 unit) serta kotak pensil (3,888 unit).

Sumbangan lain termasuk 6,000 botol air mineral dan 200 balang biskut.

Setiausaha Agung Umno, Datuk Seri Mohd Radzi Sheikh Ahmad, berkata sumbangan itu sebagai tanda keprihatinan Umno membantu mangsa banjir di negeri berkenaan.

"Memanglah sumbangan ini kecil dibandingkan sumbangan pihak lain tetapi kita harap ia dapat meringankan penderitaan mangsa," katanya selepas menyerahkan sumbangan kepada Pusat Pengumpulan Sumbangan Mangsa Banjir, Kementerian Penerangan di Pusat Penyiaran Antarabangsa (IBC), Angkasa-puri.

134 212

Menteri Penerangan, Datuk Seri Zainuddin Maidin menerima sumbangan berkenaan. Hadir sama Setiausaha Kerja Umno, Brig Jen (B) Datuk Paduka Husainay Hashim dan Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Siti Balkish Shariff.

Sementara itu, Zainuddin berkata, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Pusat mengarahkan sumbangan wang yang dikutip pihak media diserahkan kepada Tabung Bantuan Bencana Negara.

"Perkara itu diputuskan dalam Kabinet semalam (kelmarin)," katanya.

Beliau yang juga Timbalan Pengerusi jawatankuasa berkenaan berkata, wang RM200,000 sumbangan Baitulmal Perlis serta beberapa pihak lain turut diserahkan kepada Timbalan Perdana Menteri.

Katanya, walaupun banjir surut, Pusat Pengumpulan Sumbangan Mangsa Banjir di IBC yang diuruskan Radio Televisyen Malaysia (RTM) terus mengumpul sumbangan orang ramai.